

Pemantauan Pertandingan Keceriaan Bulan Kemerdekaan Bagi Mewakili W.P Labuan Ke Peringkat Kebangsaan Di Sek Keb Sungai Lada



Labuan, 17 Sept – Tahun ini merupakan tahun pertama SK Sungai Lada menyertai pertandingan keceriaan sempena Bulan Kemerdekaan. Objektif program ini meningkatkan semangat patriotik yang tinggi melalui kreativiti pengibaran jalur gemilang sempena sambutan bulan kemerdekaan. Selain itu ia juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan penghayatan kemerdekaan rakyat Malaysia. Tema bagi hasil keceriaan ialah sejajar dengan Tema Hari Kebangsaan iaitu "Sayangi Malaysiaku, Malaysiaku Bersih".

Persediaan bagi penyertaan ini telah diketuai oleh PK HEM SK Sungai Lada

iaitu Puan Noorlihan Binti Alip dan perancangannya bermula pada 8 Ogos 2019 dimana taklimat bersama barisan pentadbir, guru-guru dan PIBG dilaksanakan bagi membincangkan perkara-perkara yang perlu dilaksanakan. Melalui taklimat tersebut beberapa kumpulan kecil telah dibentuk untuk memantapkan pelaksanaan projek-projek hiasan. Persediaan ini telah melibatkan semua komuniti SK Sungai Lada iaitu barisan pentadbir, guru-guru, ibubapa, staf bukan mengajar dan murid-murid.

Hiasan-hiasan yang dihasilkan kebanyakannya menggunakan bahan-bahan terpakai. Hiasan yang telah berjaya dibuat ialah Bahtera Merdeka, Lembayung Merdeka, Menara KLCC, Logo Kemerdekaan, Pentas Merdeka, Bendera Panjang, Bendera terbesar, Kincir Angin Merdeka, Gerbang Merdeka dan banyak lagi.



Arca Menara KLCC yang dihasilkan daripada botol-botol dan tayar kereta yang terpakai

Pada 3 September 2019, pemantauan bagi peringkat WP Labuan telah dilaksanakan oleh pegawai-

pegawai Jabatan Penerangan yang terlibat. Hasil daripada pemantauan keceriaan ini SK Sungai Lada telah berjaya mendapat tempat pertama bagi kategori Sekolah Rendah. Secara tidak langsung SK Sungai Lada dipilih untuk mewakili WP Labuan ke peringkat Kebangsaan.

Secara tidak langsung, program ini telah menyemarakkan semangat patriotik dan yang utama, ia telah berjaya membentuk kerjasama yang lebih erat dikalangan komuniti sekolah. Pada 14 September, sekali lagi Jabatan Penerangan telah hadir ke SK Sungai Lada untuk membuat pemantauan terhadap hasil hiasan keceriaan. Diharapkan usaha dan jerih payah yang dilakukan akan membuahkan hasil.



Logo Gergasi yang dibuat daripada bekas telur



Bahtera Merdeka